

ANUGERAH KECEMERLANGAN PEPERIKSAAN 2022
SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

1. KELAYAKAN MEMOHON

1.1 Mencapai keputusan seperti berikut:

- 1.1.1 **SPM** 2022 (minimum **9A**)
- 1.1.2 **STAM** 2022 (pangkat **Mumtaz**)
- 1.1.3 **STPM** 2022 (minimum **4A**)

1.2 Anak kelahiran Kelantan yang menduduki peperiksaan di mana-mana pusat peperiksaan di negeri Kelantan dan di luar negeri Kelantan.

1.3 Anak bukan kelahiran Kelantan yang menduduki peperiksaan di mana-mana pusat peperiksaan di negeri Kelantan.

2. BORANG PERMOHONAN

2.1 Mula dibuka pada **12 JULAI 2023** (Rabu) dan sila dapatkan di:

- 2.1.1 Pejabat Yayasan Islam Kelantan (YIK- Kaunter Khidmat Pelanggan)
- 2.1.2 Muat turun di Fb dan laman sesawang YIK (<https://www.yik.edu.my>)

2.2 Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke:

Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan,
Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjong-Pasir Mas,
16010 Kota Bharu,
Kelantan.
(Kaunter Khidmat Pelanggan)
Tel: 09-8648044

2.3 Tarikh akhir penyerahan borang ialah pada **24 JULAI 2023 (Isnin) jam 12.30 tengah hari**.

2.4 Borang yang dikembalikan hendaklah dikepilkan:

- 2.4.1 Sijil Asal Peperiksaan (ditunjukkan semasa penyerahan borang).
- 2.4.2 Salinan Sijil Peperiksaan yang disahkan.
- 2.4.3 Salinan Kad Pengenalan yang disahkan.
- 2.4.4 Salinan Surat Beranak ibu/bapa bagi pemohon luar Kelantan yang disahkan.

3. “ANAK KELAHIRAN KELANTAN”- KELANTAN LAND ENACTMENT NO. 26-1938.

“Anak Kelahiran Kelantan” bermaksud seseorang yang berada dalam salah satu dari pengkelasan-pengkelasan di bawah:

- 3.1 Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan di mana bapanya adalah seorang Melayu.
- 3.2 Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan di mana ibunya seorang Melayu dan bapanya seorang Islam.
- 3.3 Sesiapa sahaja walaupun di mana ia dilahirkan yang bapanya lahir di Kelantan.
- 3.4 Sesiapa sahaja walaupun di mana ia dilahirkan di mana kedua-dua ibu dan bapanya adalah berbangsa Melayu dan tinggal bermastautin di Kelantan untuk sekurang kurangnya selama 15 tahun.
- 3.5 Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan di mana bapanya juga dilahirkan di Kelantan.